

Bisnes

bisnes@utusan.com.my faks 03-9223 0957



FBM-KLCI

(-14.60) mata
1,296.60

Bursa Utama Dunia

SINGAPURA
Straits Times
(+34.34) mata
2,915.70

TOKYO
Nikkei
(+73.44) mata
10,824.72

NEW YORK
Dow Jones
(+117) mata
10,741.98

19 MAC 2010

Pertukaran mata wang asing
berbanding ringgit



AMERIKA
3.3020/3050



JEPUN
3.6486/6544



SINGAPURA
2.3635/3697



STERLING
4.9996/5.0051



EURO
4.4861/4905

Mutiara Goodyear tumpu pembangunan mewah

KUALA LUMPUR 21 Mac - Berlandaskan pengalaman selama 30 tahun dalam industri hartanah, Mutiara Goodyear Development Bhd. (Mutiara Goodyear) kini merancang untuk melaksanakan projek kediaman mewah dan sederhana mewah.

Syarikat merancang untuk menjalankan empat projek hartanah terutamanya dalam segmen kediaman tersebut di Lembah Klang dan Pulau Pinang dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusi Eksekutifnya, Hamidon Abdullah berkata, sebuah daripada empat projek tersebut sedang dijalankan di Melawati di sini dengan nilai pembangunan kasar RM1 bilion.

Beliau berkata, projek di Melawati di sini dinamakan Nadayu seluas 32 hektar (80 ekar) meliputi 142 banglo dan pembangunan kediaman berangkai.

Fasa pertama projek itu, jelasnya meliputi 21 buah banglo mewah dengan empat model kediaman unik rekaan yang dinamakan Awan, Bayu, Cahaya dan Daun.

Kesemua jenis model kediaman itu dibina dengan keluasan 601.7 meter persegi (6,477 kaki persegi) sehingga 771.1 meter persegi (8,301 kaki persegi).

"Setakat ini, sambutan yang kami terima daripada orang ramai amat menggalakkan, malah, Mutiara Development sudah menerima tujuh pembeli sejak projek tersebut dalam perancangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika di temui pada majlis prapelancongan projek kediaman mewah Nadayu di sini, baru-baru ini.

Harga setiap buah kediaman mewah itu adalah serendah RM5.96 juta hingga RM6.68 juta.



IMEJ projek Nadayu di Melawati, Kuala Lumpur yang melibatkan pembinaan 142 buah banglo dan kediaman berangkai.

Projek kediaman berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2012.

Setiap buah kediaman yang dibangunkan akan dilengkapi dengan kemudahan taman dan kolam.

Ketika ditanya mengenai jumlah bank tanah yang dimiliki Mutiara Development, Hamidon berkata, pihaknya masih mem-

punyai 300 hektar (750 ekar) bank tanah di Pulau Pinang.

Katanya, bank tanah di utara tanah air itu yang berpotensi untuk dibangunkan dengan kediaman mewah dan pembangunan bercampur.

Antara projek yang pernah dijalankan Mutiara Development di Lembah Klang adalah

Lagenda Mas di Cheras, Kondominium Dataran Prima di Kelana Jaya, Kondominium Vila Lagenda di Selayang, Kondominium Mutiara Upper East di Ampang dan Taman Mutiara Gombak di Gombak.

Sementara di Pulau Pinang, syarikat pernah menjalankan projek perbandaran Bandar Tasek Mutiara di Seberang Prai.

memanfaatkan permintaan yang semakin meningkat.

Pengurus Pemasaran Edaran Modenas Sdn. Bhd., Amir Abu Bakar berkata, harganya yang mampu milik iaitu RM4,968 seunit membuatkan motosikal itu menjadi pilihan ramai.

"Kami menyasarkan penjualan 2,000 unit sebulan bagi motosikal jenis ini kerana permintaannya yang tinggi berikutan motosikal ini mempunyai penjimatan minyak," katanya ketika ditemui pemberita di khemah pameran Modenas di Stadium Darul Aman, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, sempena perlumbaan Petronas Cub Prix Malaysia AAM 2010, Modenas meraikan seramai 220 pemilik pelbagai jenis motosikal Modenas termasuk GT128, Jaguh dan CT110 yang berdaftar di laman forum Modenas.

"Meraka diraikan melalui acara konvoi beramai-ramai dari Souq Al-Bukhari hingga ke perkarangan Stadium Darul Aman," katanya.

Dalam majlis itu juga, Modenas turut memperkenalkan pasukan lumbanya yang akan bersaing pada musim perlumbaan tahun ini.

-BERNAMA

Public Star menang anugerah Kia

KUALA LUMPUR 21 Mac - Pengedar Naza Kia 3S, Public Star Sdn. Bhd. merunak antara 30